

## KEPATUHAN MEMBAYAR ZAKAT FITRAH: ANALISIS KUTIPAN DAN KETIRISAN PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH DI TERENGGANU

Siti Saufirah Mohd Tahir<sup>1</sup>, Hairunnizam Wahid<sup>2</sup> & Sanep Ahmad<sup>3</sup>

### ABSTRACT

The amount collected in the state showed a large increase every year, but is there a reduction in the payment of zakat fitrah leakages in the state every year. Hence, the introduction of three levels of the zakah fitrah in the state will reduce the amount of leakage is assumed as payers have the option to pay via three different payment rates. Thus, this study aims to identify and analyze the amount of leakage zakah fitrah collection in Terengganu. By using a data rate of the zakah fitrah, zakah fitrah collection and the number of Muslims in the state of Terengganu, the study found that leakage does not occur at the rate of minimum otherwisw leakage at a rate of zakah middle and maximum. Significant leakage is not caused by the implementation of the three levels of zakah, but because of, the possibility of distrust individuals to make payments to the formal institutions Hence, there is the question of the effectiveness of the implementation of the three levels of the payers while a significant percentage of leakage is increasing every year except for the obligatory minimum rate. Individu more focused on the content of the payers of the minimum rate compared with the rate of zakat middle and maximum. Thus, the study on the understanding and compliance of the people on zakah fitrah payments should be carried out so that any problems that exist can be overcome easily. Zakah institutions should also set eligibility requirements based on an individual level to enable them to make payments at the rate appropriate to the qualifications themselves by rice eaten.

**Keywords:** *zakah fitrah, leakage, zakah fitrah collection, Terengganu*

### ABSTRAK

Jumlah kutipan zakat di negeri Terengganu menunjukkan peningkatan yang besar setiap tahun, namun wujudkah pengurangan ketirisan pembayaran zakat fitrah di negeri Terengganu setiap tahun. Justeru itu, pengenalan tiga kadar zakat fitrah di negeri Terengganu diandaikan akan mengurangkan jumlah ketirisan memandangkan pembayar mempunyai pilihan untuk untuk membuat pembayaran melalui tiga kadar bayaran yang berbeza. Lantaran itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis jumlah ketirisan kutipan zakat fitrah di Terengganu. Dengan menggunakan data kadar zakat fitrah, jumlah kutipan zakat fitrah dan jumlah penduduk Islam di negeri Terengganu, kajian mendapati ketirisan tidak berlaku pada kadar zakat minimum sebaliknya berlaku ketirisan pada kadar zakat pertengahan dan maksimum. Ketirisan yang wujud bukan disebabkan oleh pelaksanaan tiga kadar zakat, sebaliknya disebabkan oleh, kemungkinan berlaku ketidakpercayaan individu untuk membuat pembayaran kepada institusi formal. Justeru itu, wujud persoalan sejauhmana keberkesanan pelaksanaan tiga kadar zakat fitrah sedangkan peratusan ketirisan yang wujud semakin meningkat setiap tahun kecuali pada kadar zakat minimum. Individu lebih tertumpu kepada satu kadar zakat fitrah iaitu kadar minimum berbanding kadar zakat pertengahan dan maksimum. Oleh itu, kajian mengenai kefahaman serta kepatuhan masyarakat tentang pembayaran zakat fitrah mengikut tiga kadar perlu dijalankan agar segala masalah yang wujud dapat diatasi dengan mudah. Pihak institusi zakat juga perlu meletakkan syarat-syarat kelayakan berdasarkan kadar ke atas individu bagi membolehkan mereka membuat pembayaran mengikut kadar yang sesuai dengan kelayakan diri mereka berdasarkan beras yang dimakan.

**Kata kunci:** *zakat fitrah, ketirisan, kutipan zakat fitrah, Terengganu*

<sup>1</sup> Participant of Khazanah Nasional SL1M- Green (Batch 3) Programme

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>3</sup> Mantan Pensyarah, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

## PENGENALAN

Zakat merupakan tunggak ekonomi umat Islam. Zakat menjadi salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam yang berkemampuan. Zakat merupakan suatu hak yang wajib pada harta di sisi syarak yang berasaskan kepada dalil al-Quran dan al-Sunnah dan ijmak'. Firman Allah S.W.T:

*"Sesungguhnya berjaya lah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia . Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu). Dan mereka yang menjaga kehormatannya. Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela".*

(Surah al-Mukminun 22: 1-6)

Zakat berperanan memberi bantuan untuk golongan-golongan yang memerlukan. Melalui pungutan atau kutipan zakat menunjukkan bahawa sesebuah negara berusaha untuk menegakkan keadilan sosial dan mendekatkan jurang perbezaan di antara golongan yang kaya dengan yang miskin. Oleh itu, orang Islam yang beriman akan merasa bertanggungjawab mengeluarkan zakat untuk kepentingan masyarakat bersama dan bagi mematuhi arahan Allah S.W.T sebagaimana Firman Allah S.W.T:

*"Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk".*

(Surah an-Nisa 4: 103)

Zakat dari segi bahasa berasal daripada *zaka* (bentuk *masdar*) yang membawa maksud berkat, tambah, bersih, suci dan baik. Pelbagai maksud ini sesuai dengan zakat yang mana merupakan konsep yang sangat luas dan terperinci. Manakala dari segi syarak zakat membawa maksud pembayaran wajib sebahagian harta daripada golongan yang berhak berdasarkan kaedah dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. Hukum membayar zakat ke atas orang yang berkelayakan adalah satu kewajipan yang wajib dilaksanakan.

Zakat fitrah adalah pembayaran yang diwajibkan ke atas setiap individu muslim lelaki dan perempuan, yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Zakat fitrah juga dirujuk sebagai zakat yang diwajibkan dengan sebab *futur* iaitu terbuka atau tamat puasa pada bulan Ramadan. Apabila pembayaran dilakukan setelah melakukan solat Aidilfitri, tidak lagi dinamakan *zakatul fitrah*. Kewajipan membayar zakat fitrah ini dapat menyucikan amalan individu pada bulan Ramadan dan seterusnya mencapai kejayaan di dunia dan akhirat sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: *"Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak Yang termaklum. Bagi orang miskin Yang meminta dan orang miskin Yang menahan diri (daripada meminta)".*

(Surah al-Ma'arij 70: 23-24)

Walaupun zakat fitrah merupakan salah satu zakat yang wajib dibayar, namun zakat fitrah berbeza dengan zakat harta benda. Zakat fitrah adalah zakat yang berfungsi mengembalikan seseorang muslim kepada fitrahnya, dengan menyucikan jiwa mereka daripada dosa-dosa yang disebabkan oleh pengaruh pergaulan dan sebagainya sehingga manusia itu menyimpang dari fitrahnya. Ianya diwajibkan kepada seluruh umat Islam sama ada kanak-kanak atau dewasa.

Menurut al-Sayuti, asas atau syarat utama kewajipan zakat fitrah adalah memiliki lebihan makanan pada malam dan pagi 1 Syawal atau Hari Raya. Konsep lebihan makanan ini telah dibahasakan lanjut dalam pelbagai mazhab. Ulama Hanafiyyah menjelaskan bahawa wajib membayar zakat fitrah bagi individu yang memiliki lebihan makanan untuk diri dan keluarga pada malam dan pagi hari raya Idul Fitri. Manakala, ulama Malikiyyah berpendapat wajib membayar zakat fitrah melalui hutang seandainya individu menyakini hutang tersebut mampu dilangsaikan. Dengan itu, zakat fitrah diwajibkan bukan sahaja terhadap dirinya, bahkan meliputi individu yang wajib nafkah ke atasnya disebabkan hubungan kerabat, hubungan pernikahan atau kepemilikan.

Kadar zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan ketentuan oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan dengan 2.70 kilogram atau senilai dengannya. Walaubagaimanapun negeri Terengganu telah memperkenalkan tiga kadar bayaran zakat fitrah berbanding negeri lain di Malaysia selain Johor dua kadar dan negeri lain yang hanya mempunyai satu kadar sahaja. Perkara ini menunjukkan perbezaan negeri Terengganu berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Kadar zakat fitrah di Malaysia bagi tahun 2014 boleh dilihat berdasarkan jadual 1.

**Jadual 1: Kadar Zakat Fitrah di Malaysia bagi Tahun 2014**

| NEGERI                                             | RM               |
|----------------------------------------------------|------------------|
| Terengganu                                         | 4.50, 7.00, 7.60 |
| Johor                                              | 5.00, 8.00       |
| Perak                                              | 7.00             |
| Sabah                                              | 7.00             |
| Kelantan                                           | 7.00             |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya Labuan | 7.00             |
| Kedah                                              | 7.00             |
| Pulau Pinang                                       | 7.00             |
| Pahang                                             | 7.00             |
| Sarawak                                            | 7.00             |
| Selangor                                           | 7.00             |
| Melaka                                             | 6.70             |
| Negeri Sembilan                                    | 6.50             |
| Perlis                                             | 6.50             |

Kadar zakat fitrah bagi setiap negeri sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual 1 menunjukkan hanya negeri Terengganu dan Johor sahaja menetapkan kadar lebih daripada satu kadar untuk zakat fitrah. Bagi negeri Terengganu, tujuan penetapan tiga kadar zakat fitrah adalah untuk mewujudkan keadilan sekaligus menggalakkan penduduk Islam di Terengganu membuat bayaran zakat fitrah memandangkan di negeri lain wujud ketirisan seperti kajian di Selangor oleh Yahya (2013). Justeru itu, di negeri Terengganu ditetapkan kadar paling rendah adalah untuk mereka yang berpendapatan rendah, kadar sederhana untuk mereka yang berpendapatan sederhana dan kadar yang paling tinggi adalah untuk mereka yang berpendapatan tinggi.

Oleh itu, jumlah kutipan zakat fitrah bagi tahun sebelumnya jika dibandingkan dengan tahun 2014 menunjukkan peningkatan setiap tahun iaitu daripada 5.47 juta bagi tahun 2012 meningkat kepada 6.05 juta bagi tahun 2014. Walaubagaimanapun, adakah penetapan tiga kadar zakat fitrah menjadi faktor kepada tidak berlaku ketirisan. Justeru itu, objektif kajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis jumlah ketirisan kutipan zakat fitrah Di Terengganu. Namun, kajian ini berbeza dengan kajian Yahya (2013) kerana negeri yang dikaji oleh Yahya (2013) hanya menggunakan satu kadar zakat fitrah sahaja sedangkan negeri Terengganu menggunakan tiga kadar zakat fitrah.

## KAJIAN LEPAS

Zakat merupakan tunggak ekonomi umat Islam. Zakat menjadi salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam yang berkemampuan. Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan kesedaran, kutipan dan pengagihan zakat di Malaysia, antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Zainol dan Kamil (2009), membincangkan sikap merupakan elemen yang penting dalam mempengaruhi niat gelagat individu muslim bagi membayar zakat. Hasil kajiannya mendapati sikap dan norma subjektif masing-masing dapat dileraikan kepada enam dan tiga komponen. Kesemua komponen tersebut apabila diuji dalam model regresi berganda menghasilkan dapatan yang lebih jelas. Tiga komponen sikap, tiga komponen norma subjektif dan

kawalan gelagat ditanggap berhubungannya secara positif dan signifikan ke atas niat gelagat kepatuhan. Walaubagaimanapun, pembayaran melalui saluran formal perlu dipertingkatkan seperti menggunakan saluran promosi di pejabat dan melalui media massa supaya sasaran kutipan dapat ditingkatkan berdasarkan golongan sasaran.

Selain dari kesedaran individu, faktor yang turut menyokong pembayaran zakat berdasarkan kajian Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Adnan Mohamad (2006), ialah keberkesanan pengurusan zakat. 10.5 peratus pembayar zakat menunaikan tanggungjawab ini secara terus kepada asnaf tanpa melalui institusi zakat. Ini kerana, kebanyakannya tidak berpuas hati terhadap bentuk agihan yang telah dilaksanakan oleh institusi pengurusan zakat. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa, persepsi ini telah mempengaruhi jumlah kutipan secara signifikan. Ini menyebabkan pengagihan zakat secara lebih tersusun menjadi cabaran kepada institusi-institusi zakat di Malaysia.

Seperti mana kajian Md Zyadi Tahir dan Mariani Majid (1999), yang membincangkan kesan penswastan ke atas peningkatan kutipan zakat, walaupun penswastan memberikan kesan positif kepada hasil kutipan, namun perubahan sikap dan kesedaran individu muslim untuk melaksanakan tanggungjawab ini adalah lebih signifikan.

Kajian Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader (2009), turut membuktikan sebanyak 47.6 peratus responden (332 orang) yang tidak berpuas hati dengan kaedah pengagihan zakat turut tidak akan membayar zakat melalui institusi zakat. Ini menunjukkan hampir majoriti responden tidak membayar zakat yang berkemungkinan kerana mereka tidak berpuas hati dengan kaedah pengagihan zakat oleh institusi zakat.

Merujuk kepada kajian Kamil Md. Idris (2006), tentang kepentingan undang-undang dalam pelaksanaan zakat, responden rata-rata berpandangan undang-undang zakat di Malaysia berada pada tahap lemah. Pengkaji berpandangan bahawa undang-undang yang positif akan meningkatkan jumlah bayaran walaupun kajian yang dilaksanakan tidak dapat menunjukkan hubungan kait yang signifikan antara pembayaran dengan undang-undang zakat di Malaysia. Oleh sebab itu, penguatkuasaan adalah penting bagi memastikan tiada anggota masyarakat yang terlepas dari melaksanakan tanggungjawab ini.

Lantaran itu, berdasarkan kajian Ram al Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md Idris dan Md Hairi Md Hussain (2010), institusi zakat perlu membina penerimaan positif masyarakat dengan meningkatkan ketelusan dan pendedahan secara menyeluruh mengenai segala urusan berkaitan zakat yang sedang atau telah atau akan dilaksanakan. Ini seterusnya mampu mengurangkan rasa bimbang dan was-was terhadap institusi zakat.

Persoalan berkenaan dengan bahan dan kadar yang diwajibkan zakat fitrah tidak berbangkit menurut Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003). Perkara ini disebabkan oleh, bahan makanan utama di Malaysia hanyalah satu jenis sahaja iaitu beras. Justeru itu, segantang beras adalah satu kadar yang tidak ada keraguan lagi untuk dikeluarkan sebagai zakat fitrah di negeri ini. Menurut al- Dahlawi, sebuah keluarga cukup untuk makan satu gantang makanan utama. Dengan ini ia merupakan satu sumbangan segera yang beerti bagi orang miskin serta tidak memberatkan sesiapa yang menyumbangnya.

Menurut Ummi Farahin Yasin, Noor Naemah Abdul Rahman dan Mohd Faez Mohd Shah (2013), jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (JFNS) telah menetapkan kadar harga zakat fitrah yang perlu dibayar oleh semua umat Islam yang tinggal atau bekerja di negeri Selangor. Cadangan penetapan kadar harga zakat fitrah bagi negeri Selangor telah disediakan oleh Lembaga Zakat Selangor (MAIS) yang kemudiannya dikemukakan kepada JFNS bagi mendapatkan pandangan, pengesahan dan persetujuan. Jawatankuasa yang terlibat dalam memutuskan ketentuan kadar harga zakat telah mengguna pakai kaedah fiqh *قَدَاح*, iaitu adat boleh menjadi penentu hukum syarak. Oleh kerana beras merupakan makanan asasi bagi penduduk Islam di Malaysia amnya dan Selangor khususnya, maka kebiasaan (*قَدَاح*) tersebut diambil kira bagi menentukan barangan yang digunakan untuk mengeluarkan zakat fitrah bagi negeri Selangor.

Berdasarkan kajian Mustapha Hassan (1987), pada tahun 1980, negeri Perak dan Terengganu mencatatkan kutipan zakat tertinggi adalah kutipan zakat fitrah (Mustapha Hassan, 1987). Begitu juga negeri lain seperti Negeri Sembilan yang mencatatkan kutipan zakat fitrah sebanyak 80 peratus dan 84 peratus bagi kutipan zakat fitrah negeri Selangor. Negeri Sembilan menunjukkan peningkatan kutipan zakat fitrah setiap tahun iaitu 5.21 ratus ribu pada tahun 1980 dan meningkat kepada 7.11 ratus ribu pada tahun 1985.

Kajian Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohamad Ali Roshidi Ahmad (2013), berkaitan ketirisan zakat fitrah di Selangor mendapati bahawa bilangan pembayar zakat yang menggunakan institusi formal mengalami peningkatan walaupun pada tahun 1996, 1998, 1999 dan 2001 menunjukkan penurunan dan kemudian meningkat semula pada tahun-tahun seterusnya. Pertambahan jumlah kutipan zakat ini adalah berkadar dengan pertambahan populasi penduduk Islam di Selangor dari tahun ke tahun serta peningkatan kadar bayaran zakat fitrah. Hasil kajian turut mendapati nilai ketirisan kutipan zakat fitrah yang tidak disalurkan melalui institusi formal juga adalah besar.

Kajian isu bocoran zakat fitrah secara khusus telah mendapat perhatian dalam kajian oleh Ahmad Hidayat (2000). Berdasarkan kajian ini, beliau mendapati statistik individu yang gagal membayar zakat fitrah di Perak meningkat bagi tahun 1953 dan 1954 iaitu dari 69 ribu orang kepada 84 ribu orang. Gagal membuat bayaran zakat fitrah bermaksud individu tidak membayar zakat kepada institusi formal. Mereka membuat pembayaran di tempat mereka bermastautin. Menurut Mashitoh Mahamood (2007), keadaan seperti ini selari dengan kes-kes yang didakwa di mahkamah berkaitan kegagalan membayar zakat fitrah. Antaranya kes *Haron bin Laksamana Iwn Public Prosecutor*. Tertuduh/perayu dalam kes ini telah disabitkan oleh Magistret kerana gagal membayar fitrah “sebagai seorang Islam yang bermastautin di Negeri tersebut”. Mahkamah telah membenarkan rayuan tertuduh/perayu atas alasan tanggungjawab pembayaran zakat dan fitrah tidak bergantung kepada sama ada seseorang itu menjadi pemastautin di Negeri tersebut atau tidak.

Simulasi anggaran ketirisan zakat fitrah juga telah dikaji di Malaysia oleh Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Azila Abdul Razak dan Salwa Amirah Awang (2015). Jumlah ketirisan zakat fitrah di Malaysia menunjukkan berlaku peningkatan sepanjang tempoh kajian iaitu dari tahun 2003 hingga 2009 dengan nilai 19.53 juta dan 28.92 juta. Pertambahan jumlah ketirisan tersebut diandaikan majoriti membuat pembayaran terus kepada asnaf. Dalam situasi ini, Aidit (1998), Kamil (2006) dan Siti Mashitoh (2007), berpandangan bahawa akta dan undang-undang yang menyokong khusus berkaitan pembayaran zakat adalah penting bagi meningkatkan kesedaran membayar zakat sebagaimana patuhnya pembayar dengan akta cukai.

Oleh yang demikian, berdasarkan kajian lepas yang telah dijalankan, jelas menunjukkan bahawa pelbagai faktor yang menjadi penyebab kepada pembayaran zakat dan ketirisan zakat fitrah. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis sejauhmana ketirisan zakat fitrah di Terengganu wujud dengan menggunakan data zakat fitrah. Jumlah ketirisan yang diperolehi melalui hasil ini dapat dijadikan rujukan dalam menambah baik institusi zakat di Malaysia terutama penambahbaikan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

## METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan kajian Yahya et. al., (2013), metod yang digunakan adalah berdasarkan persamaan (1) berikut untuk mendapatkan bilangan pembayar zakat fitrah di negeri Selangor.

$$X_t = \frac{JKF_k}{KF} \times 100 \quad (1)$$

Di mana,  $X_t$  = Bilangan Patuh Membayar Zakat Fitrah  
 $JKF_k$  = Jumlah Kutipan Zakat Fitrah Keseluruhan  
 $KF$  = Kadar Zakat Fitrah  
 $t$  = tahun

Seterusnya, dengan menggunakan anggaran tetap bahawa penduduk Islam di Selangor adalah sebanyak 57.9 peratus sepanjang tempoh kajian, maka bilangan individu beragama Islam yang dianggap dalam kategori “ketirisan” dihitung berpandukan rumus berikut:

$$Z_t = (0.579 * PK_t) - X_t \quad (2)$$

Di mana,  $Z_t$  = Bilangan individu yang tidak menyalurkan bayaran zakat fitrah kepada institusi formal  
 $P$  = Populasi keseluruhan penduduk di negeri Selangor pada tahun  $t$ .  
 $(0.579 * PK_t)$  = Bilangan penduduk Islam pada sesuatu tahun.

Walaupun bagaimanapun, metod yang digunakan oleh Yahya (2013) mempunyai sedikit kelemahan dan kurang sesuai digunakan untuk mengukur ketirisan di Terengganu kerana Yahya hanya mengambil kira penduduk di Selangor sahaja tanpa mengambil kira bilangan penduduk luar yang tinggal di Selangor. Justeru itu, kajian ini menggunakan jumlah penduduk keseluruhan di Terengganu.

Data yang digunakan dalam kajian ini merangkumi data kadar zakat fitrah, jumlah kutipan zakat fitrah dan jumlah penduduk Islam di negeri Terengganu. Data diperolehi dari Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Kajian ini dilakukan bermula dari tahun 2010 hingga 2014. Kajian ini akan menghitung jumlah kutipan zakat fitrah mengikut kadar dengan menggunakan persamaan (3) berikut:

$$JKFK_t = PI_t \times KF_t \quad (3)$$

Di mana,  $JKFK_t$  = Jumlah Kutipan Zakat Fitrah Mengikut Kadar  
 $PI_t$  = Jumlah Penduduk Islam di Terengganu  
 $KF_t$  = Kadar Zakat Fitrah

Justeru itu, untuk melihat kemungkinan berlaku ketirisan pada setiap kadar zakat fitrah, perbezaan  $JKFK_t$  dan  $JKF_t$  dilakukan berdasarkan persamaan (4) berikut:

$$T_t = JKFK_t - JKF_t \quad (4)$$

Di mana,  $T_t$  = Jumlah Perbezaan  $JKF_t$  dan  $JKFK_t$  (Ketirisan)  
 $JKFK_t$  = Jumlah Kutipan Zakat Fitrah Mengikut Kadar  
 $JKF_t$  = Jumlah Kutipan Zakat Fitrah Keseluruhan

Seterusnya, persamaan (5) digunakan untuk melihat jumlah peratusan ketirisan zakat fitrah setiap tahun. Persamaan tersebut adalah seperti berikut:

$$W_t = \frac{T_t}{JKF_t} \times 100 \quad (5)$$

Di mana,  $W_t$  = Peratus Jumlah Ketirisan  
 $T_t$  = Jumlah Perbezaan  $JKF_t$  dan  $JKFK_t$   
 $JKF_t$  = Jumlah Kutipan Zakat Fitrah Keseluruhan

## HASIL DAN PERBINCANGAN ANALISIS

Berdasarkan data yang diperolehi daripada pihak MAIDAM, kutipan zakat fitrah di Terengganu telah menunjukkan peningkatan yang menggalakkan dari tahun ke tahun. Peningkatan tersebut dapat dilihat dalam perangkaan bermula dari tahun 2010 hingga 2014.

**Jadual 2: Jumlah Bilangan Pembayar Fitrah dan Kutipan Zakat Fitrah Bagi Tahun 2010-2014**

| Tahun | Kadar Zakat Fitrah (RM) | Bilangan Pembayar (Ratus Ribu Orang) | Jumlah Kutipan Zakat Fitrah (RM Juta) |
|-------|-------------------------|--------------------------------------|---------------------------------------|
| 2010  | 5.00,7.00,8.00          | 7.31                                 | 5.47                                  |
| 2011  | 5.00,7.00,8.00          | 7.50                                 | 5.53                                  |
| 2012  | 4.50,7.00,7.60          | 7.68                                 | 5.62                                  |
| 2013  | 4.50,7.00,7.60          | 7.75                                 | 5.81                                  |
| 2014  | 4.50,7.00,7.60          | 8.32                                 | 6.05                                  |

Sumber : Laporan Tahunan MAIDAM 2014

Jadual di atas merupakan data terkini yang diperolehi daripada pihak MAIDAM dan jelas sekali menunjukkan peningkatan yang agak memberangsangkan setiap tahun. Berdasarkan data tersebut, seramai 8.32 ratus ribu orang telah menunaikan zakat fitrah bagi tahun 2014 berbanding seramai 7.31 ratus ribu orang pada tahun 2010. Peningkatan dicatat sebanyak 6.46 peratus. Dari segi kutipan pula, sebanyak 5.47 juta telah berjaya dikutip bagi tahun 2010 berbanding pada tahun 2014 yang mana kutipan sebanyak 6.05 juta dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 5.03 peratus. Penurunan harga fitrah sebanyak 50 sen bagi tahun 2012 dan tetap sehingga tahun 2014 berbanding 2010 merupakan penyumbang kepada peningkatan jumlah kutipan zakat fitrah.

Analisis keseluruhan dari tahun 2010 hingga 2014 diperolehi dengan menggunakan pengiraan berdasarkan rumus persamaan (3) dan (4) sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 3: Analisis Kutipan Zakat Fitrah di Terengganu**

| TAHUN | $KF_t$<br>(RM) | $JKFK_t$<br>(RM Juta) | $JKF_t$<br>(RM<br>Juta) | $P_{it}$<br>(Ratus<br>Ribu<br>Orang) | $T_t$<br>(RM<br>Juta)     |
|-------|----------------|-----------------------|-------------------------|--------------------------------------|---------------------------|
| 2010  | 5.00,7.00,8.00 | 4.53, 6.34, 7.24      | 5.47                    | 9.06                                 | 0.94(-), 0.87(+), 1.77(+) |
| 2011  | 5.00,7.00,8.00 | 4.68, 6.55, 7.48      | 5.53                    | 9.35                                 | 0.85(-), 1.02(+), 1.95(+) |
| 2012  | 4.50,7.00,7.60 | 4.43, 6.90, 7.49      | 5.62                    | 9.85                                 | 1.19(-), 1.28(+), 1.87(+) |
| 2013  | 4.50,7.00,7.60 | 4.46, 6.94, 7.53      | 5.81                    | 9.91                                 | 1.25(-), 1.23(+), 1.82(+) |
| 2014  | 4.50,7.00,7.60 | 4.77, 7.42, 8.06      | 6.05                    | 10.60                                | 1.28(-), 1.37(+), 2.01(+) |

**Nota:** ( $KF_t$ ) Kadar Zakat Fitrah, ( $JKFK_t$ ) Jumlah Kutipan Zakat Fitrah Mengikut Kadar, ( $JKF_t$ ) Jumlah Kutipan Zakat Fitrah Keseluruhan, ( $P_{it}$ ) Penduduk Islam di Terengganu, ( $T_t$ ) Jumlah Perbezaan  $JKFK_t$  dan  $JKF_t$ , (+) Pertambahan), (-) Pengurangan

Beberapa hasil kajian penting diperolehi berdasarkan jadual 3 yang mana bilangan individu yang beragama Islam ( $P_{it}$ ) bertambah di negeri Terengganu dari tahun 2010 hingga 2014 iaitu daripada 9.06 ratus ribu orang kepada 10.60 ratus ribu orang. Kadar pertumbuhan ini selari dengan kadar kelahiran dan kematian yang dilaporkan dalam perangkaan Malaysia. Kadar zakat fitrah secara purata ( $KF_t$ ) mengalami perubahan bermula tahun 2012. Kadar zakat fitrah pada tahun 2010 dan 2011 tidak mengalami perubahan. Penurunan kadar zakat fitrah berlaku dari tahun 2012 dan sekata hingga tahun 2014. Keadaan ini secara tidak langsung mempengaruhi jumlah kutipan zakat ( $JKF_t$ ) yang bertambah dari RM5.47 juta bagi tahun 2010 kepada RM6.05 juta pada tahun 2014. Di samping itu, berdasarkan hasil perbezaan  $JKFK_t$  dan  $JKF_t$  dapat dilihat bahawa ketirisan berlaku pada kadar zakat pertengahan dan maksimum. Perkara ini berlaku disebabkan oleh jumlah kutipan zakat fitrah keseluruhan yang diperolehi lebih sedikit nilainya berbanding dengan jumlah yang sepatutnya yang perlu diperolehi dengan dua kadar tersebut.

Kepentingan untuk mendapatkan bilangan pembayar zakat yang tepat berbanding jumlah kutipan ini amat penting sebagaimana kajian Muhsin (2014). Menurut beliau, angka jumlah pembayar lebih sesuai diperolehi dan dianalisis oleh institusi zakat bagi memastikan objektif penubuhan pengurusan zakat dicapai. Hal ini bersesuaian dengan fungsi institusi zakat yang tidak hanya tertumpu kepada aspek kutipan dan agihan semata-mata, sebaliknya dapat memastikan setiap individu berkelayakan menunaikan zakat kepada institusi yang telah dipertanggungjawabkan.

Secara puratanya setiap tahun dapat dilihat bahawa wujud peningkatan dalam jumlah kutipan dan bilangan pembayar zakat. Walaubagaimanapun, berdasarkan persamaan (5), apabila di bandingkan dengan jumlah perbezaan  $JKFK_t$  dengan  $JKF_t$

menunjukkan peratusan ketirisan meningkat setiap tahun bagi kadar zakat pertengahan dan maksimum. Justeru itu, pihak institusi zakat perlu memainkan peranan untuk mengatasi masalah ketirisan dalam bayaran zakat fitrah kerana ia merupakan satu kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Masalah ini perlu di ambil serius kerana ia bukan dinilai berdasarkan kekayaan. Syarat minimum membayar zakat fitrah adalah memiliki lebihan makanan pada malam dan pagi Hari Raya Aidilfitri sudah memadai untuk setiap individu yang bergelar Islam untuk menjalankan salah satu kewajipan yang telah di jelaskan dalam rukun Islam.

**Jadual 4: Jumlah Ketirisan Zakat Fitrah di Terengganu**

| TAHUN | $T_t$<br>(RM<br>Juta) | $JKF_t$<br>(RM<br>Juta) | $W_t$<br>(Peratus) |
|-------|-----------------------|-------------------------|--------------------|
| 2010  | 0.87(+), 1.77(+)      | 5.47                    | 15.90, 32.36       |
| 2011  | 1.02(+), 1.95(+)      | 5.53                    | 18.44, 35.26       |
| 2012  | 1.28(+), 1.87(+)      | 5.62                    | 22.78, 33.27       |
| 2013  | 1.23(+), 1.82(+)      | 5.81                    | 21.54, 31.87       |
| 2014  | 1.37(+), 2.01(+)      | 6.05                    | 22.64, 33.22       |

Secara umumnya jadual 4 menunjukkan jumlah kutipan zakat fitrah di Terengganu meningkat setiap tahun bermula pada tahun 2010 hingga tahun 2014. Apabila dilihat dari sudut peratusan jumlah ketirisan terhadap sasaran kutipan, ianya berada di sekitar 15 peratus hingga 22 peratus bagi kadar zakat pertengahan. Manakala bagi kadar zakat maksimum jumlah ketirisan berada di sekitar 32 peratus dan 33 peratus. Jumlah ketirisan tersebut merupakan satu jumlah yang besar dan perlu diambil serius selaku pihak yang bertanggungjawab. Justeru itu, berdasarkan daripada jumlah tersebut maka wujud persoalan sejauhmana keberkesanan pelaksanaan tiga kadar zakat fitrah sedangkan setiap tahun hanya kadar minimum sahaja yang tidak berlaku ketirisan atau adakah semakin ramai membuat pembayaran zakat fitrah secara terus kepada asnaf. Membayar zakat bukan melalui institusi formal merupakan satu kesalahan dan boleh didenda sepertimana yang telah termaktub dalam enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 1422H/2001M Syeksyen 20 (b). Justeru itu, pihak yang sewajarnya perlu menyebarkan secara meluas fatwa-fatwa serta akta undang-undang berkaitan dengan zakat kepada masyarakat agar ianya diketahui serta diaplikasi dalam kehidupan masyarakat.

**Jadual 5: Perbandingan Ketirisan Zakat Fitrah di Selangor dan Terengganu**

| TAHUN | KETIRISAN DI<br>SELANGOR<br>(Peratus) | KETIRISAN DI<br>TERENGGANU<br>(Peratus) |
|-------|---------------------------------------|-----------------------------------------|
| 2010  | 21.54                                 | 15.90, 32.36                            |
| 2011  | 22.51                                 | 18.44, 35.26                            |

Dengan mengambil kira perbandingan antara kajian di Selangor dan Terengganu, dapat dilihat wujud juga ketirisan di negeri Terengganu tetapi peratusannya tidak begitu tinggi seperti peratusan ketirisan di Selangor bagi kadar pertengahan. Jumlah ketirisan yang berlaku di Selangor diandaikan majoriti penduduk di Selangor membuat pembayaran bukan kepada institusi formal. Walaubagaimanapun, jika dibandingkan dengan peratusan ketirisan bagi kadar maksimum, negeri Terengganu mencatatkan jumlah peratusan yang tinggi. Perkara ini disebabkan oleh, berdasarkan persamaan (4), dapat dilihat bahawa penduduk Islam di Terengganu yang membayar zakat pada kadar paling minimum tidak

menyebabkan berlaku ketirisan dan diandaikan mereka membuat bayaran pada kadar minimum.

### **PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR**

Berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh Yahya (2013) berkaitan ketirisan, pengkaji menyokong ketirisan berlaku di Selangor. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan oleh individu membuat pembayaran di tempat mereka bermastautin. Jumlah ketirisan yang berlaku di Selangor dan Terengganu menunjukkan jumlah yang hampir sama bagi kadar zakat pertengahan. Manakala kadar zakat maksimum di Terengganu menunjukkan jumlah yang amat besar jika dibandingkan dengan ketirisan di Selangor. Begitu juga dengan kajian Fidlizan et. al. (2015), jumlah ketirisan zakat fitrah di Malaysia menunjukkan berlaku peningkatan sepanjang tempoh kajian dan pertambahan jumlah ketirisan tersebut diandaikan majoriti membuat pembayaran terus kepada asnaf.

Kepuasan tentang agihan dan kecekapan pengurusan zakat oleh institusi zakat merupakan faktor yang mempengaruhi individu membayar zakat secara tidak formal. Aspek ketelusan agihan serta ketidakcekan pengurusan zakat merupakan perkara yang perlu diambil serius untuk mengurang serta menyelesaikan masalah pembayaran zakat bukan kepada institusi formal. Perkara ini kerana perasaan puas hati memainkan peranan dalam menentukan tempat di mana bayaran zakat di buat. Dengan erti kata lain, semakin puas hati individu terhadap pengurusan pusat zakat, semakin tinggi darjah kepatuhan untuk membayar zakat kepada pusat zakat (Zaharah et. Al., 2010).

Sepertimana ketirisan pembayaran zakat fitrah yang berlaku di negeri Terengganu, ia yang wujud bukan disebabkan oleh pelaksanaan tiga kadar zakat, sebaliknya disebabkan oleh, kemungkinan berlaku ketidakpercayaan individu untuk membuat pembayaran kepada institusi formal. Sepertimana kajian Sanep et. al., (2000), Terengganu mencatatkan jumlah 59 peratus jumlah pembayaran yang dilakukan kepada institusi formal dan 41 peratus jumlah pembayaran kepada institusi tidak formal. Justeru itu, pihak MAIDAM perlu meningkatkan lagi program dengan menunjukkan pengagihan zakat yang dilakukan untuk meyakinkan penduduk di Terengganu bagi membuat bayaran kepada institusi formal.

Selain itu, kajian Fidlizan et., al. (2015) serta formula yang digunakan oleh Yahya (2013) dalam mengukur ketirisan tidak sesuai digunakan untuk mengukur ketirisan di Terengganu. Perkara ini disebabkan oleh, Terengganu menggunakan tiga kadar zakat fitrah setiap tahun sedangkan negeri Selangor dan semua negeri di Malaysia kecuali Terengganu hanya menggunakan satu kadar sahaja untuk bayaran zakat fitrah. Tambahan pula, berdasarkan analisis yang dilakukan, pelaksanaan tiga kadar zakat fitrah tidak memberi kesan kepada jumlah ketirisan kerana majoriti tertumpu kepada bayaran kadar zakat minimum. Selain itu, penurunan kadar zakat fitrah daripada 5.00,7.00,8.00 kepada 4.50,7.00,7.60 memberi kesan yang positif kepada hasil kutipan zakat fitrah terutama pada kadar zakat minimum. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa hanya satu kadar zakat sudah memadai dalam bayaran zakat fitrah di Terengganu.

Selain itu, bayaran zakat fitrah di Terengganu berdasarkan tiga kadar adalah bergantung kepada individu untuk membuat bayaran dengan mana-mana kadar. Pihak MAIDAM tidak meletakkan sebarang syarat sama ada individu perlu membayar zakat mengikut kadar gaji, jenis beras yang dimakan dan sebagainya. Pilihan kadar bayaran adalah bergantung kepada individu itu tersendiri. Oleh yang demikian, berdasarkan analisis yang dilakukan, majoriti membayar pada kadar yang minimum. Justeru itu, pelaksanaan tiga kadar zakat fitrah tidak memberi sebarang kesan terhadap jumlah kutipan zakat fitrah di Terengganu.

### **KESIMPULAN**

Hasil kajian secara formal menunjukkan ketirisan berlaku dalam kutipan zakat fitrah di Terengganu dan secara tidak formal ketirisan tidak berlaku kerana individu membuat bayaran terus kepada asnaf. Selain itu, melalui kadar zakat fitrah jelas menunjukkan jumlah kutipan zakat fitrah berdasarkan kadar zakat minimum mampu mengatasi masalah

ketirisan setiap tahun berbanding kadar zakat pertengahan dan minimum. Apabila dilihat dari segi peratusan jumlah ketirisan kadar zakat pertengahan meningkat dengan jumlah yang tinggi iaitu daripada 15.90 bagi tahun 2010 kepada 22.64 bagi tahun 2014. Manakala bagi kadar zakat maksimum, turut berlaku peningkatan peratusan ketirisan walaupun peningkatan sedikit tetapi nilainya adalah terlalu tinggi. Justeru itu, bagi mengatasi masalah ketirisan walaupun telah diwujudkan tiga kadar bayaran zakat, institusi yang bertanggungjawab perlu meletakkan syarat bayaran zakat fitrah berdasarkan tiga kadar dengan merujuk kepada slip gaji, latar belakang keluarga, jenis beras yang dimakan dan sebagainya. Kaedah ini lebih adil bagi mereka yang berpendapatan rendah. Perkara ini kerana mereka yang kurang berkemampuan semestinya akan membayar dengan kadar zakat minimum manakala mereka yang berkemampuan akan dinilai sama ada perlu membuat bayaran pada kadar zakat pertengahan atau maksimum. Bagi memudahkan lagi pengurusan untuk meningkatkan kutipan zakat fitrah mengikut tiga kadar zakat, kajian mengenai kefahaman serta kepatuhan masyarakat tentang tiga kadar zakat perlu dijalankan agar segala masalah yang wujud dapat diatasi dengan mudah.

## RUJUKAN

- Ahmad Hidayat Bung. (2006). "Dilema perundangan zakat di Malaysia: Antara Penguatkuasaan dan Strategi Pujukan/Galakan/Intensif Membayar Zakat" dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*. (suntingan) Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir. Bangi, Penerbit UKM.
- Aidit, Ghazali. (1998). *Zakat- satu tinjauan*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd.
- Al-Dahlawi. (2004). *Hujjarullah al-balighah, Kaherah: Matba'ah al-Manar* (t.t). Jld. 2,
- Al-Sayuti. (2005). '*Sunan al-nasa'i al-musamma bi al-mujtabi bi syarh al-hafiz Jalal al-Din al-Sayuti*'. Beirut: Dar al-Fikr. iii. no hadis. 2431-2765.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2011). *Fiqih Islam wa adillatuhu*. Terj. Abdul Hayyie al-Kattani, dkk; Jakarta: Darul Fikir, iii. 346.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 1422H/2001M Syeksyen 20 (b).
- Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Azila Abdul Razak & Salwa Amirah Awang. (2015). Ketirisan bayaran zakat fitrah terhadap institusi formal di Malaysia, *Sains Humanika*, 5 (1): 27-32.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Andul Kader (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?, *Jurnal Syariah*, 17(1): 89-112.
- Kamil Md. Idris. (2006). Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji, dalam *Zakat: Pensyariatan ,perekonomian dan Perundangan* (suntingan) Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir. Bangi, Penerbit UKM.
- Kamil Md. Idris. (2006). Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji, *Journal of ethics, legal and governance* 2: 32-41.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. (2003). *Pengurusan zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mashitoh Mahamood. (2007). Sistem perundangan zakat di Malaysia: Antara reality dan Harapan, Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, PWTC, 22 Mei, 1-21.
- Md Zyadi Tahir & Mariani Majid (1999). Prestasi kutipan dan agihan zakat di Malaysia, Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 293-306.
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad & Mohamad Ali Roshidi Ahmad. (2013). Kepatuhan membayar zakat: Analisis kutipan dan ketirisan zakat fitrah di Selangor, *Jurnal Syariah* 21(2): 191-206.

- Muhammad Ramzi Omar (2004). *Zakat menurut empat mazhab*. Terj. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Mustapha Hassan. 1987. 'Zakat in Malaysia – Present and future status, *Journal of Islamic Economics*, 1(1): 47-75.
- Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad & NahidIsmail (2001). Can privatization improve performance? Evidence from zakat collection institutions, *Kertas Kerja Bengkel Ekonomi Islam*, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ram al Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md Idris dan Md Hairi Md Hussain (2010). Faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan, *Jurnal Pengurusan* 30: 49-61.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad (2006). Penswastan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia, *International Journal of Management Studies*, 13(2): 175-196.
- Ummi Farahin Yasin, Noor Naemah Abdul Rahman & Mohd Faez Mohd Shah. (2013). Pengambilkiraan reality semasa dalam berfatwa: Analisis terhadap fatwa zakat di Selangor, *Jurnal Fiqh*, 10: 91-118.
- Yusuf al-Qaradhawi. (1973). *Fiqh al-zakah*. Kaherah: Muassasah al-Risalah.
- Yusuf Qardawi (1996). *Hukum zakat studi komparatif mengenai status dan filsafat zakat berdasarkan Qur'an dan hadis*, terj. Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hasanuddin, cet. ke-3, Jakarta: Pustaka Utera Antar Nusa.
- Zaharah Salwati Baba, Hashim Jusoh, Habsah Muda & Mohd Azmi Ab Rahman (2010). Tanggapan usahawan terhadap zakat perniagaan berbanding cukai pendapatan perniagaan di Terengganu, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 3: 97-113.
- Zainol Bidin dan Kamil MD.Idris (2009). Sikap norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap terhadap niat gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji, *IJMS* 16 (1): 31-55.
- Zamzuri Zakariya. (2006). Zakat galian: Sumber yang diitifaq dan diikhtilaf, dalam *Zakat: Pensiariatan, Perekonomian dan Perundangan*, Ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir. Bangi: Penerbit UKM.
- Zubaedi M.Ag. & M.Pd. (2008). *Zakat produktif dalam perspektif hukum Islam*, Ed. Semak. Bengkulu: Penerbit Pustaka Pelajar.